

## **MSM CATAT HASIL RM 959.84 JUTA BAGI 1H 2019, BERI TUMPUAN PADA 2H 2019**

**KUALA LUMPUR, OGOS 21, 2019** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) catat 14% penurunan dalam hasil kepada RM 959.84 juta bagi 1H 2019, berbanding RM 1.12 juta pada tempoh yang sama sebelumnya. Ini adalah berikutan beberapa faktor, terutamanya pengurangan dalam harga jualan purata (ASP) bagi gula bertapis, peningkatan kos bahan mentah berikutan nilai Ringgit yang rendah, persaingan sengit dalam pasaran di samping kos-kos melibatkan kilang penapisan MSM di Johor.

Pada 1H 2019, MSM merekodkan pengurangan dalam ASP sebanyak 9% dan 13% bagi sektor Domestik dan Industri yang berpunca daripada lambakan bekalan gula. Ini adalah kesan daripada pengeluaran Permit Import (AP) baru dalam sektor perindustrian yang mengakibatkan berlakunya persaingan harga. Sementara itu, persaingan tinggi dalam pasaran eksport turut menyumbang kepada pengurangan sebanyak 3% dan 21% dalam keseluruhan ASP dan jumlah jualan.

Untuk tempoh yang ditinjau, Kumpulan mencatatkan kerugian bersih (LAT) sebanyak RM 74.39 juta berbanding keuntungan bersih (PAT) sebanyak RM 30.14 juta pada tempoh yang sama tahun lepas. Sebahagian kemerosotan berpunca daripada kenaikan kos kewangan dan kos komersial bagi MSM Johor yang turut melibatkan susut nilai. Jika tidak mengambil kira kedua kos tersebut, MSM telah mencatatkan perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) sebanyak RM 27.5 juta. Tambahan pula, nilai Ringgit berbanding USD yang semakin susut kepada RM 4.1269, berbanding RM 3.9614 pada tahun lepas, telah meningkatkan kos gula mentah pada 1H 2019, seterusnya memberikan kesan kepada prestasi syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dtao' Khairil Anuar Aziz berkata, "Kami menjangkakan tahun 2019 akan memberikan cabaran buat Kumpulan, berikutan lambakan gula bertapis dalam pasaran domestik, di samping nilai Ringgit yang semakin lemah."



Selain itu, kos penapisan pula meningkat sebanyak 15%, berpunca daripada kenaikan kos bahan api, disebabkan peningkatan tarif gas sejak Januari 2019. Kadar penggunaan kapasiti yang rendah di MSM Johor semenjak mula beroperasi pada April tahun ini, turut menjelaskan lagi prestasi kewangan syarikat.

Melangkah ke hadapan, pasaran menjangkakan nilai Ringgit mengukuh, yang akan memberikan peluang positif buat MSM untuk beberapa bulan akan datang. Walaubagaimanapun, MSM akan lebih berhati-hati dan memberi tumpuan sepenuhnya pada separuh tahun kedua 2019.

"Kami sentiasa memantau harga dan pergerakan semasa pasaran gula dunia," jelas Khairil Anuar. "MSM akan mengambil peluang ke atas kos purata yang lebih rendah bagi setiap MT gula mentah berdasarkan NY#11 dan nilai Ringgit yang menggalakkan," tambah Khairil Anuar.

Walaubagaimanapun, faktor-faktor lain seperti pelaksanaan cukai gula bagi minuman bergula, potensi lebih banyak pengeluaran AP dan liberalisasi pasaran gula domestik akan turut memberi kesan negatif kepada pencapaian MSM.

Sehubungan itu, MSM sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa berkenaan dan para pelanggan untuk berbincang dengan lebih lanjut mengenai isu-isu berkaitan industri, terutamanya pengeluaran AP. "Kami akan terus memantau dan melaksakan mekanisme lindung nilai strategik bagi mengurangkan impak daripada ketidaktentuan nilai matawang serta harga gula mentah dunia".

"Walaupun kami menjangkakan lebih banyak cabaran pada tahun ini, MSM akan lebih fokus pada pelaksanaan," kata Khairil Anuar. "Sejajar dengan komitmen berterusan kami untuk melancarkan aliran tunai, antara fokus utama MSM pada tahun 2019 adalah termasuk melupuskan aset-aset bukan teras, mengurangkan lambakan stok serta meningkatkan kecekapan bagi mengurangkan kos penapisan. Kami juga bercadang untuk mempelbagaikan perniagaan melalui produk-produk gula yang mempunyai nilai tambah untuk dieksport serta memacu pertumbuhan syarikat melalui potensi kerjasama bersama pemain industri bereputasi bagi meluaskan jejak pasaran di peringkat global," jelas Khairil Anuar.

**-TAMAT-**



### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui tiga anak syarikatnya, MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2018, MSM mengeluarkan sebanyak 964,739 tan gula bertapis, di mana 109,613 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 59% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 1.83 bilion setakat 31 Disember 2018). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mapan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehingga ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya

### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 137  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Ahmad Izwan Osman**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6017 440 1027  
[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)